



SIRI PANDUAN
KENEGARAAN

PEMBINAAN WAWASAN 2020

Penyusun:

MOHD SYAHRUL HANAFI



PENERBIT PINANG SDN. BHD.

KANDUNGAN

MEMAHAMI WAWASAN 2020	1
WAWASAN YANG PERLU DICAPAI	5
CABARAN WAWASAN 2020	9
ISU-ISU BERKAITAN WAWASAN	28
CABARAN DAN MASALAH DIHADAPI	37
MEREALITIKAN WAWASAN	48
GLOSARI	52
SOALAN	54

PENERBIT PINANG SDN. BHD.

No. 10, Blok A, Lot 778,
Jalan Subang 4, Subang
Light Industrial Park,
47610 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03 - 5637 7846
Fax : 03 - 5637 7826

© Penerbit Pinang Sdn. Bhd.
Cetakan pertama... 2005

AMARAN ATAS HAK CIPTA

Semua hak cipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam
buku ini tidak boleh
diterbitkan semula atau
dipindah dalam sebarang
bentuk atau dengan sebarang
cara, baik dengan cara
elektronik, mekanik,
penggambaran ataupun
sebaliknya tanpa izin yang
bertulis terlebih dahulu
daripada Penerbit Pinang
Sdn. Bhd.

M
300 00545
BEM

Pergustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Pembinaan Wawasan 2020 / penyusun Mohd. Syahrul Hanafi.
(Siri panduan kenegaraan)
ISBN 983-055-571-2 (set)
ISBN 983-055-574-7
1. Economic development projects--Malaysia. 2. Success--
Malaysia. 3. Malaysia--Economic policy. 4. Malaysia--
Forecasting.

Dicetak oleh: 31 MAR 2005 Syahrul. H. Siri.
Percetakan Tait Sdn. Bhd. (270731-D) 330.09595

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

ADD 01167986



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

MEMAHAMI WAWASAN 2020

Pengenalan

Rata-rata masyarakat kini, baik tua mahupun muda sedia maklum mengenai wawasan perdana yang ingin dicapai oleh negara menjelang tahun 2020.

Wawasan 2020 dikemukakan secara menyeluruh dan jelas oleh Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika membentangkan kertas kerja khas yang bertajuk 'Malaysia Melangkah Ke Hadapan' dalam Persidangan Pertama Majlis Perdagangan Malaysia di Kuala Lumpur pada 28 Februari 1991.

Kertas kerja itu mengemukakan beberapa pandangan tentang arah masa depan negara dan peranan yang boleh dimainkan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian dan negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Kemajuan yang hendak dicapai itu bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga meliputi semua bidang termasuk politik, sosial, ekonomi, psikologi, taraf hidup, dan perpaduan negara.

Menjelang tahun 2020, Malaysia seharusnya menjadi negara yang bersatu dengan masyarakat yang berkeyakinan tinggi, mempunyai nilai moral dan **etika** yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang **demokratik**, serta liberal.

Masyarakat yang ingin dibentuk juga sedia bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, **progresif**, dan makmur serta mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing, dinamik, dan mencabar.

Tanpa melanggar adat dan norma-norma kehidupan masyarakat Timur yang telah mendukung kehidupan seharian kita, sesungguhnya kita mampu menjadi negara berdaya maju di pentas antarabangsa. Bak kata pepatah 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah' dengan negara-negara lain.

Meskipun negara ini dilihat begitu kerdil, namun pada mata dunia, keupayaan, kepakaran, dan kebolehan kita begitu dikagumi dan terserlah. Kelantangan para pemimpin negara ini bersuara di peringkat antarabangsa sememangnya diakui.

Bermula dengan identiti sebagai sebuah negara yang tidak begitu dikenali, Malaysia bergerak dengan penuh keyakinan dan bersemangat untuk melangkah maju ke hadapan seiring dengan perkembangan semasa.

Tanpa bergantung harap kepada ehsan orang lain, Malaysia akhirnya berjaya meletakkan namanya sebaris dengan negara-negara besar dunia.

Bertitik tolak daripada pencapaian dan kemajuan yang telah diraih, tidak mustahil segala impian yang digariskan dalam Wawasan 2020 dapat dicapai.

Lantaran itu, setiap anggota masyarakat dari pelbagai lapisan harus berganding bahu dan membuktikan bahawa slogan 'Malaysia Boleh' dan 'Yakin Boleh' bukanlah slogan kosong. Sebaliknya itulah kunci kejayaan rakyat Malaysia pada hari ini dan hari-hari yang seterusnya.



Kaum wanita di negara ini turut menjadi tenaga penggerak dalam memastikan kejayaan Wawasan 2020.

Sebagai sebuah misi dan harapan kerajaan, sudah tentunya Wawasan 2020 mempunyai objektifnya yang tersendiri yang ingin dicapai untuk kepentingan semua pihak.

Membentuk sebuah negara yang benar-benar maju dalam segala segi menjelang tahun 2020 merupakan objektif utama yang terkandung dalam Wawasan 2020.

Tempoh masa yang diberikan dikira sudah memadai untuk menjadikan harapan tersebut sebagai kenyataan, dengan berpegang kepada slogan "Malaysia Boleh!"

Tempoh masa tersebut juga membolehkan rakyat Malaysia merangka pelan rancangan pembangunan secara yang terancang agar ia mencapai matlamat pada akhirnya. Sekiranya kerajaan tidak meletakkan dengan jelas tahun yang menjadi sasaran menjadi negara maju, barangkali rakyat juga kurang bekerja keras untuk merealisasikan impian tersebut.

Apa yang pasti, kemajuan yang ingin dicapai bukan sahaja terhadap dalam lapangan ekonomi, tetapi mencakupi pelbagai bidang seperti politik, sosial, kerohanian, kebudayaan, dan sebagainya.

Sesungguhnya, sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, adalah menjadi impian semua rakyat Malaysia untuk melihat negara ini maju ke hadapan, mampu berdikari, bersatu, aman, dan makmur hasil kemajuan yang berlaku.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

WAWASAN YANG PERLU DICAPAI

PENGENALAN

Persoalan mungkinkah Malaysia mampu mencapai wawasan yang menggunung tinggi itu tidak seharusnya ditimbulkan kerana daripada apa yang telah kita capai, memperlihatkan bahawa tiada apa yang mustahil sekiranya kita semua berusaha bersungguh-sungguh merealisasikannya.

Berpegang kepada pepatah 'usaha tangga kejayaan', tiada apa yang perlu kita bimbangkan. Ini memandangkan Perdana Menteri ketika itu tidak akan membuat 'pelaburan besar' sekiranya beliau merasakan impian tersebut tidak mampu dicapai rakyat negara ini.

Tun Dr. Mahathir Mohamad seperti mana yang kita sedia maklum merupakan seorang pemimpin yang berfikiran jauh, kritis, dan tahu apa yang dilakukannya.

Di peringkat antarabangsa, beliau merupakan tokoh yang memainkan peranan penting dalam Dunia Ketiga semasa menghadapi tindak-tanduk negara-negara maju.

Lantaran itu tidak hairanlah nama beliau begitu gah di pentas dunia. Kini, setelah lebih kurang sepuluh tahun berlalu selepas kertas kerja itu dibentangkan, Malaysia dan seluruh rakyatnya begitu **optimis** untuk mencapai segala matlamat sebagaimana yang terkandung dalam Wawasan 2020.


Justeru, Wawasan 2020 yang disifatkan oleh segelintir pihak sebagai khayalan atau angan-angan kosong adalah tidak berasas. Malah mereka yang beranggapan sedemikian sebenarnya hidup dalam keadaan rendah diri serta tidak yakin pada kebolehan yang ada.

Malah tidak keterlaluan jika dikatakan mereka yang mencemuh Wawasan 2020 bukan sahaja tidak bersikap patriotik, malah mempunyai agenda tersendiri untuk menggagalkan rancangan negara ini menjadi negara maju sepenuhnya pada tahun berkenaan.

Justeru wajarkah pandangan serta suara-suara sumbang ini didengar?



Semangat cintakan negara harus ditanamkan kepada generasi kanak-kanak sejak awal



Kemajuan dalam industri perkilangan akan menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Hakikatnya, Wawasan 2020 bukanlah sesuatu yang sukar untuk dicapai. Apa yang penting adalah kerjasama dan komitmen daripada segenap lapisan masyarakat yang memang amat diperlukan untuk menjayakannya.

Lihat sahajalah bagaimana negara Jepun yang pernah runtuh akibat pengeboman bom atom telah bangkit dengan penuh yakin daripada kemusnahan. Berkat sikap rakyatnya yang rajin bekerja serta bersungguh-sungguh dalam apa jua perkara, Jepun dikenali sebagai antara negara termaju di dunia.

Oleh itu, segenap lapisan masyarakat daripada pemimpin sehinggalah rakyat jelata harus berpadu tenaga dan bersatu hati dalam menghadapi segala cabaran, halangan, dan rintangan yang bakal ditempuh untuk mencapai Wawasan 2020.

Ini kerana tanpa kerjasama daripada semua pihak akan menyaksikan wawasan ini hanya impian semata-mata.

Dalam memburu status menjadi negara maju, kita seharusnya menjadikan negara maju di dunia sebagai **model** terbaik untuk mengecap kejayaan seperti mereka. Mengambil segala pengajaran dan iktibar daripadanya pasti akan menjadikan kita lebih maju serta berdaya saing pada peringkat global.

Walau bagaimanapun, kita tidak mengambil bulat-bulat apa yang kita dapat daripada negara luar. Sebaliknya kita mengubahsuainya mengikut kehendak dan acuan kita sendiri yang tentunya beridentitika Malaysia.

Ini lah juga sebahagian daripada Dasar Pandang ke Timur yang disarankan suatu ketika dahulu. Dasar tersebut cuba melihat dan mengambil etika kerja rakyat Jepun yang cemerlang. Pada ketika yang sama, rakyat tidak pula mencontohi sesetengah moral rakyat Jepun yang suka meminum arak, berfoya-foya, dan sebagainya.

Justeru sesuatu yang cukup jelas, gagasan Wawasan 2020 harus diterima baik oleh semua masyarakat di negara ini.

Jika kita sama-sama berusaha untuk mencapai apa yang diinginkan oleh wawasan keramat itu, sudah tentu ia akan menjadi kenyataan dan sekali gus mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan kepada rakyat.

Jika sebaliknya yang berlaku, kita bakal menyaksikan kegagalan wawasan ini untuk membawa perubahan besar kepada kemajuan negara dalam semua lapangan baik politik, ekonomi, mahupun sosial.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

CABARAN WAWASAN 2020

Pengenalan

Menerusi Wawasan 2020, rakyat di negara ini akan menikmati kehidupan yang jauh lebih maju dan moden jika dibandingkan dengan kehidupan kini.

Dengan kehidupan yang sempurna, akan mewujudkan struktur masyarakat yang harmoni, saling bekerjasama, adil, hormat-menghormati, dan yang utama mempunyai daya ketahanan diri yang mantap.

Kesemua ciri ini perlu ada supaya setiap antara kita dapat mengharung segala cabaran yang datang dalam suasana yang terkawal dan tidak mendatangkan situasi yang boleh memberikan kesan yang negatif terhadap pertumbuhan serta perkembangan negara.

Semua sedia maklum, Wawasan 2020 menyediakan Malaysia ke arah sebuah negara yang benar-benar maju mengikut acuan dan rentak sendiri. Maju di sini menyeluruh dalam setiap aspek dan tidak hanya tertumpu kepada aspek ekonomi semata-mata.



Hari ini, Malaysia berbangga kerana menjadi antara negara pengeluar kereta di dunia.

Apa yang diharapkan daripada kemajuan yang dicapai Malaysia mampu menjadi contoh kepada negara-negara lain khususnya kepada negara membangun yang lain. Ini memandangkan sebelum ini ramai yang melihat negara ini bagaikan tiada memberi sumbangan bermakna terhadap dunia.

Wawasan 2020 yang hebat diperkatakan ini sungguhpu bukanlah mudah untuk dicapai, namun ia tidak mustahil sekiranya segala halangan dan cabaran yang menunggu dapat ditangani serta diharungi dengan hati yang cekal.

Jika terpaksa berhadapan dengan kegagalan, jangan sesekali berputus asa. Sebaliknya jadikan kegagalan itu sebagai api pembakar untuk lebih berusaha.

Sekali gagal tidak bermakna kita akan gagal selama-lamanya. Yang penting adalah kita harus bangkit daripada kegagalan yang ditempa.

Pastinya, cabaran, halangan mahupun kegagalan boleh menjadikan rakyat negara ini lebih cekal dan tabah untuk bersaing dalam dunia tanpa sempadan, di samping memupuk perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum.

Negara pasti kecundang dalam setiap agenda yang dirancang seandainya rakyat tidak bersatu dan bermusuhan antara satu sama lain. Masing-masing mementingkan diri sendiri dan tidak bercampur gaul. Masalah ini jika tidak diatasi sudah pasti merugikan negara.

Dalam pada itu, bagi merealisasikan Wawasan 2020 sebagai satu kenyataan, terdapat sembilan cabaran yang perlu diatasi. Berikut adalah sembilan cabaran yang diharap dapat memberikan **motivasi** kepada rakyat Malaysia.

BERSATU PADU

Mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu serta satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.

Selepas **tragedi** hitam 13 Mei 1969, pelbagai usaha telah diambil untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum. Tragedi itu cukup memberikan pengajaran bahawa perpaduan antara kaum yang pelbagai amat perlu demi memastikan negara aman dan damai.

Dengan menolak isu-isu berbau perkauman seperti kemelayuan, **kecinaan** dan keindiaan tetapi mengakui diri dengan identiti Malaysia, sudah pasti setiap kaum utama di negara ini dapat hidup dalam keadaan aman damai.

Jelasnya, semua kaum tidak kira Melayu, Cina, India, dan kaum-kaum lain mestilah mempunyai matlamat yang sama iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan mengikis sama sekali kepentingan untuk memajukan kaum sendiri sahaja.

KEYAKINAN DIRI

Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram, dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada dan telah dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah.

Dewasa ini, pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh rakyat di negara ini telah membuka mata dunia bahawa kita tidak mudah diperlekehkan dan mampu menempa nama di peringkat antarabangsa.

Kejayaan Datuk Azhar Mansor belayar mengelilingi dunia dengan Jalur Gemilang jelas membuktikan bahawa rakyat Malaysia berani mengharungi cabaran dan risiko. Begitu juga dengan kejayaan rakyat negara ini menakluki Gunung Everest.

Terbaharu, kejayaan Datuk Malik Mydin merentasi Selat Inggeris cukup membanggakan negara. Berbekalkan semangat Malaysia Boleh, beliau mampu menghabiskan renangannya dalam keadaan cuaca sejuk hingga melakar sejarah yang tersendiri bagi dirinya dan negara khususnya.

Kejayaan-kejayaan ini jelas menggambarkan rakyat Malaysia mempunyai jiwa yang kental dan berani menanggung segala risiko dan cabaran yang datang.

AMALAN DEMOKRATIK

Mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik dan matang, mengamalkan persefahaman dan demokrasi ala-Malaysia yang berasaskan muafakat dan musyawarah yang dapat dicontohi oleh banyak negara membangun.

Dengan wujudnya kestabilan politik yang didasari dengan amalan demokrasi, seluruh rakyat diberi hak untuk bersuara dalam menyatakan sesuatu mengikut saluran yang betul.

Justeru, rakyat harus menolak budaya **merusuh** atau memberontak jika tidak berpuas hati dengan dasar-dasar kerajaan. Selain itu, setiap rakyat mempunyai hak yang sama di sisi undang-undang.

Kecamatan yang wujud akhirnya melahirkan sebuah negara yang harmoni, yang seterusnya dapat menarik perhatian para pelabur untuk menanam modal di negara ini. Keadaan ini sudah tentu memberikan petanda yang baik pada pertumbuhan ekonomi negara.

BERMORAL DAN BERETIKA

Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika sepenuhnya yang mempunyai warganegara yang kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong tahap etika paling tinggi.

Dalam keadaan ini, berpegang kepada ajaran agama dalam setiap tindakan pasti dapat menghindar diri daripada melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral dan menyalahi undang-undang.

Pendidikan agama amat diperlukan dan dijadikan panduan dalam kehidupan seharian supaya kita menjadi insan yang seimbang dari segi rohani, emosi, jasmani, dan intelek.

Justeru, dalam usaha mendidik seseorang itu bermoral dan berpendidikan agama, peranan ibu bapa dan masyarakat di samping pihak kerajaan amatlah penting.

Kerajaan mungkin boleh menyediakan pelbagai program yang sesuai untuk meningkatkan kualiti insan seseorang, namun ibu bapa yang sentiasa mendampingi anak-anak wajar menerapkan nilai-nilai murni. Begitu juga dengan masyarakat sekeliling yang sama-sama saling membantu menjaga anggota masyarakat lain.

Apa yang menarik, meskipun rakyat di negara ini menganut agama yang berbeza-beza, namun tidak wujud sebarang perbalahan yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian negara.



Pembentukan masyarakat liberal lagi penyayang antara matlamat yang mahu dicapai melalui pelaksanaan Wawasan 2020.

Ini disebabkan masing-masing percaya bahawa setiap agama mengajar umatnya nilai-nilai yang hampir sama iaitu menyeru ke arah kebaikan dan menghindarkan diri dari kezaliman.

Justeru, setiap kaum di negara ini saling menghormati rakan mereka yang berlainan agama. Apabila tiba musim perayaan, setiap kaum mengunjungi satu sama lain dalam suasana muhibah. Sikap menghormati inilah yang menjadi teras keharmonian negara.

Jiwa yang bersih sesungguhnya sesuatu yang cukup berharga dalam membina kehidupan yang tenteram dan bebas dari dibelenggu permasalahan yang besar.

MASYARAKAT LIBERAL

Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur dalam konteks rakyat Malaysia, pelbagai kaum bebas mengamalkan adat dan pada masa yang sama meletakkan kesetiaan mereka pada satu negara.

Sikap tolak ansur yang ingin diwujudkan ini tidak akan mendatangkan kerugian kepada mana-mana pihak, malahan ia boleh mendatangkan hasil yang amat memberangsangkan serta merupakan nilai yang sangat murni.

Di samping itu juga, hubungan antara kaum di negara kita juga dapat dipereratkan, tidak kira sama ada orang itu Melayu, Cina, India, dan bangsa-bangsa lain.

Memperakui keadilan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam strategi menyusun dan membentuk masyarakat merupakan sebahagian daripada tanda-tanda kesepakatan rakyat di negara ini dalam konteks bertolak ansur sesama kaum yang tidak hanya tertumpu kepada satu-satu kaum sahaja.

Rasa tidak puas hati oleh kaum-kaum yang lain pastinya berlaku apabila kekayaan dan ekonomi negara selama ini hanya dimiliki oleh kaum-kaum tertentu sahaja.

Jika perkara sebegini terus dibiarkan dan tidak diatasi pastinya akan timbul keadaan yang tidak menyenangkan dan kemungkinannya tragedi 13 Mei berulang kembali.

Walau bagaimanapun, perbalahan yang mungkin akan tercetus ini akan dapat diatasi dengan wujudnya rasa tolok ansur di kalangan masyarakat tanpa mengira kaum dan ini seterusnya dapat menyaksikan pelaksanaan DEB berjalan lancar.

Dalam pada itu, kaum yang kuat merasakan kaum yang lemah perlu diberi bantuan dan sedikit perlindungan untuk membolehkan mereka bersaing. Persaingan secara yang tidak sihat tentunya boleh menimbulkan rasa tidak puas hati pihak yang lemah.

Rakyat pada masa kini perlulah berfikiran terbuka dan terpuaskan mengamalkan sikap bertolak ansur. Keamanan dan ketenteraman negara ini akan terjamin sekiranya sikap bertolak ansur dapat disematkan ke dalam diri setiap kaum di negara ini.



Pendidikan generasi muda tidak diabaikan dalam usaha mengejar matlamat menjadi negara maju.



Pemimpin masyarakat Cina sentiasa menyeroni ke arah perpaduan dengan kaum-kaum lain.

Dunia hari ini telah menyaksikan terlalu banyak kemusnahan, peperangan, dan kekacauan ekoran tidak wujudnya sikap saling tolok ansur dan menghormati antara satu sama lain.

Apa yang cenderung yang dapat disaksikan ialah mereka yang berkuasa begitu megah menggunakan kekuatan yang mereka ada untuk 'menakluk' mereka yang lemah atas pelbagai tujuan.

Sesungguhnya, biarpun sesebuah negara tersebut terdiri daripada satu rumpun bangsa yang sama, namun sekiranya tiada sikap tolok ansur dan lebih mementingkan diri sendiri, sudah pasti dunia tidak akan aman. Pertelingkahan dan pergaduhan sukar dibendung.

Apa yang jelas, jika sikap seumpama ini berterusan, sudah tentu negara gagal untuk mencapai matlamat yang digariskan dalam Wawasan 2020. Meskipun peperangan tidak berlaku di negara ini, namun kita tidak seharusnya leka dan alpa. Bak kata pepatah 'mencegah lebih baik daripada mengubatinya'.

SAINTIFIK DAN PROGRESIF

Mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif serta melahirkan masyarakat yang berpandangan jauh, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga menjadi penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

Jika sebelum ini kita hanya menjadi pemerhati dan pengguna teknologi luar, tetapi melalui Wawasan 2020, diharapkan kita dapat mencipta teknologi sendiri yang boleh dibanggakan.

Selama ini kita disogokkan dengan pelbagai teknologi yang diimport dari luar negara dalam pelbagai lapangan untuk dipraktikkan di negara ini tanpa menyedari sesetengahnya tidak sesuai untuk digunakan di sini.

Sebagai contoh dalam bidang pertanian, di mana kita banyal mengimport teknologi dari negara luar. Biar pun begitu wujud pelbagai masalah yang sedikit sebanyak merugikan kita.

Memandangkan keadaan iklim, jenis tanah-tanah yang berbeza dari negara asal, ada kalanya teknologi ini kurang sesuai untuk digunakan di negara ini.

Justeru, melalui program yang telah dirangka dan dirancang di bawah Wawasan 2020, generasi muda yang ada telah diberikan pendidikan yang sewajarnya untuk memacu kemajuan negara pada masa hadapan, khususnya yang berkaitan dengan teknologi canggih dan terkini.

Bagi mencapai apa yang dimatlamatkan, kerajaan sememangnya telah berusaha dengan pelbagai kaedah bagi memastikan negara mampu melahirkan masyarakat **inovatif** dan saintifik.

Keprihatinan kerajaan dalam soal ini dan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dapat dilihat dengan jelas dengan terlaksananya projek mega Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menampakan hasil membanggakan.

MSC umumnya merupakan salah satu komitmen kerajaan ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, dan sekali gus melahirkan ilmuwan teknologi maklumat yang dinamik dan mampu bersaing di peringkat global.

Ringkasnya, MSC meliputi kawasan seluas 15 kilometer lebar dan 50 kilometer panjang. Merentang kawasan dari Menara Berkembar Petronas (KLCC) sehingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Terletak di antara kedua-dua bangunan canggih yang tersergam indah itu ialah dua bandar raya bestari iaitu Putrajaya dan Cyberjaya.

Apa yang menarik, kedua-dua bandar raya bestari itu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan multimedia kepada para penghuninya. Ini jelasnya dapat melahirkan sebuah masyarakat yang bermaklumat dan progresif serta berdaya maju.

Dalam pelaksanaan MSC telah diterapkan tujuh aplikasi perdana untuk digerakkan. Antaranya ialah kad pintar, kerajaan elektronik, sekolah bestari, telekesihatan, dan perdagangan elektronik.

Menerusi pengenalan sekolah bestari misalnya, semua proses pengajaran dan pembelajaran berteraskan aplikasi multimedia atau dengan kata lain dilakukan secara elektronik.

Oleh itu, setiap pelajar akan dibekalkan dengan komputer untuk memudahkan sesi pembelajaran dan mendapatkan maklumat.

Dengan pengenalan sekolah bestari juga, konsep sekolah yang sedia ada ternyata jauh berbeza. Ini disebabkan para pelajar akan menggunakan kreativiti daripada peralatan multimedia untuk mempertajamkan minda dan memperoleh sebanyak mungkin maklumat serta ilmu pengetahuan.

Melalui internet, pelbagai bahan rujukan tambahan dapat diperolehi bagi menambahkan lagi maklumat yang sedia ada, di samping bertukar-tukar idea dengan rakan-rakan lain.

Usaha seumpama ini jelasnya dapat memupuk generasi kini dan akan datang menguasai dan memahirkan diri dengan ledakan teknologi maklumat agar tidak ketinggalan di belakang menjadi pemerhati semata-mata. Sebaliknya bergerak aktif dan menjadi salah seorang penyumbang kepada teknologi.

Keseluruhannya, seluruh rakyat di negara ini perlu bersikap terbuka dan berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan terutamanya dalam menguasai teknologi. Jelasnya, pengetahuan saintifik penting untuk membina generasi yang berkemahiran tinggi dalam pelbagai aspek.

SIKAP PENYAYANG


Membentuk sebuah masyarakat berbudi dan berbudaya penyayang iaitu sistem sosial yang memberi keutamaan kepada kepentingan masyarakat daripada diri sendiri, serta kebajikan insan tidak berkisar kepada negara atau orang perseorangan tetapi di sekeliling sistem keluarga yang kukuh.

Kepentingan institusi kekeluargaan yang bahagia sememangnya suatu yang cukup penting dalam membina sebuah negara yang aman harmoni.

Institusi kekeluargaan yang kukuh dapat mewujudkan suasana keluarga yang harmoni, di mana hubungan erat yang terjalin dapat menghindarkan perlakuan tidak sihat di kalangan ahli keluarga.

Sekiranya salah seorang anggota keluarga terpesong kelakuannya, menjadi tanggungjawab anggota keluarga yang lain untuk memperbetulkannya.

Selain peranan yang dimainkan ahli keluarga itu sendiri, kerajaan menerusi pelbagai agensinya telah menerapkan pelbagai kaedah untuk mendidik ibu bapa serta masyarakat demi menjaga keharmonian institusi keluarga masing-masing.



Penguasaan rakyat negara ini dalam bidang sains dan teknologi akan mempercepatkan proses Malaysia menjadi sebuah negara maju.

Dalam usaha negara mencapai segala matlamat Wawasan 2020 pelbagai cara telah diambil untuk membendung gejala salah laku dan keruntuhan moral yang kian berleluasa.

Masalah ini harus ditangani dengan bijak dan cepat kerana ia bukan sahaja mendatangkan kesan tidak baik kepada seseorang tetapi meninggalkan kesan yang negatif kepada pembangunan negara pada masa hadapan.

Seperti mana yang kita sedia maklum, generasi muda pada hari ini bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa hadapan. Dapatkah anda bayangkan bagaimana keadaan negara di bawah pimpinan mereka yang bermasalah?

Jika hal ini terjadi, pastinya negara yang lahir kelak sebuah negara yang kucar-kacir dan mundur.

Justeru, wajarlah kita melahirkan anggota masyarakat yang berwawasan dan mempunyai matlamat hidup yang jelas. Individu sebegini pasti dapat menyumbangkan tenaga muda mereka ke arah pembangunan negara, lebih-lebih lagi dalam era digital yang memerlukan tenaga mahir bagi menggerakkan ekonomi negara.

Jelasnya semua ini dapat dilahirkan dalam sebuah keluarga yang bahagia, yang tahu akan tanggungjawab masing-masing sama ada kepada keluarga mahupun negara.

Keadaan sebaliknya pula berlaku bagi keluarga yang bermasalah dan porak-peranda.

Banyak berita yang dipaparkan remaja yang lahir dalam keluarga sebegini terjebak dengan pelbagai kes jenayah semata-mata untuk melarikan diri daripada dibelenggu masalah hidup yang tanpa disedar memusnahkan masa depan sendiri.

Di samping itu, budaya menyayangi keluarga juga menjadi nilai dalam setiap agama. Dalam agama Islam contohnya, hubungan erat yang terjalin bukan hanya hubungan sesama muslim sahaja tetapi juga turut melibatkan yang bukan muslim.

Sesungguhnya Islam amat melarang umatnya berpecah-belah dan saling bermusuhan antara satu sama lain walaupun kepada mereka yang berlainan agama.

Sebaliknya Islam menuntut seluruh umatnya berkasih sayang dalam konteks persaudaraan Islam dan ikatan mesra di antara jiran-jiran yang berlainan agama.

Bukan setakat agama Islam, agama-agama lain juga turut menganjurkan hubungan yang baik dan erat sesama kaum. Mana-mana agama pun tidak suka umatnya membenci orang lain yang seterusnya mencetuskan suasana yang tidak diingini.

Biarpun mempunyai **ideologi** dan kepercayaan yang berbeza-beza, namun yang pastinya sebagai manusia, keamanan dan kedamaian menjadi impian semua orang.

AGIHAN EKONOMI YANG ADIL

Memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi iaitu masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama.

Tanpa mengira warna kulit dan agama yang dianuti, semua kaum diberi peluang sama rata dan terbuka luas untuk menceburi perniagaan mengikut kepakaran masing-masing.

Pastinya mereka yang benar-benar berusaha akan berjaya mencapai apa yang diinginkan dan begitulah sebaliknya. Persaingan yang wujud adalah persaingan yang sihat untuk meningkatkan prestasi antara satu sama lain.

Umumnya, keadilan dalam ekonomi membawa maksud segala kemewahan negara atau pendapatan negara dapat dinikmati bersama oleh setiap masyarakat di negara ini secara adil dan saksama. Justeru ini dapat mengurangkan jurang kehidupan antara mereka yang kaya dan miskin.

Di negara Barat umpamanya, ekoran wujudnya ketidakseimbangan dalam pengagihan ekonomi, menyaksikan rakyat yang kaya terus mengaut keuntungan dan kekayaan yang berlipat ganda dan rakyat yang miskin bertambah miskin dan berterusan hidup secara daif.


Situasi seperti ini adalah sesuatu yang tidak sihat dari segi ekonomi dan sosial yang akhirnya boleh menimbulkan jurang yang begitu ketara antara satu golongan dengan golongan lain.

Namun, keadaan berbeza di negara ini di mana kerajaan begitu **prihatin** dan sentiasa menjaga kepentingan rakyatnya. Justeru, keprihatinan pihak kerajaan ini dapat dilihat menerusi bantuan dan **subsidi** yang diberikan.

Pemberian subsidi kepada para petani misalnya dapat meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh para petani yang berpendapatan rendah.



Pengagihan ekonomi secara adil akan mengurangkan jurang kekayaan antara kaum.



Industri mencari gali minyak menyumbang pendapatan yang besar kepada negara.

Bantuan ini sekali gus dapat meningkatkan pendapatan para petani memandangkan pemberian berbentuk baja-baja dapat menambahkan pengeluaran tanaman, sekali gus memberikan pulangan ekonomi yang lebih baik dari sebelumnya.

Ini sudah tentu dapat mengatasi masalah kemiskinan yang membelenggu masyarakat di negara ini. Meskipun tidak ada kerajaan yang dapat mengatasi masalah ini sama sekali, mengurangkan kemiskinan yang sedia ada adalah langkah bijak dalam menangani permasalahan ini.

Selain itu, kerajaan turut memberi galakan kepada rakyat untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan yang menjanjikan pulangan yang lumayan jika kena pada caranya.

Hal ini disebabkan terdapat banyak peluang perniagaan yang muncul seiring dengan perubahan gaya hidup serta kemajuan era teknologi maklumat.

Malah apabila perdagangan terbuka atau liberalisasi ekonomi dilakukan sepenuhnya, usahawan Malaysia juga berpeluang merebut banyak peluang perniagaan di negara-negara lain.

Justeru, banyak tindakan dilakukan oleh kerajaan, termasuklah menggalakkan rakyat Malaysia terutamanya golongan Bumiputera untuk melibatkan diri dengan perniagaan yang selama ini banyak diterokai kaum Cina.

Ini memandangkan sebelum ini kebanyakan kaum Bumiputera lebih cenderung mengusahakan ekonomi pertanian yang telah diwarisi semenjak bertahun-tahun dahulu.

Oleh itu, peluang yang diberi untuk melibatkan diri dengan dunia perniagaan harus disambut baik untuk sama-sama memajukan ekonomi negara.

Bagi memastikan segala yang dirangka berhasil, kerajaan tidak hanya berpeluk tubuh, sebaliknya giat melancarkan pelbagai program dan rancangan seperti mengadakan seminar, bengkel, dan sebagainya untuk mendedahkan serta memberikan pengetahuan yang berkaitan kepada mereka yang berkenaan.

Di samping menyediakan lot-lot perniagaan yang menawarkan harga yang berpatutan, kerajaan turut membangunkan industri kecil dan sederhana (IKS) bagi membantu peniaga-peniaga kecil di kawasan-kawasan desa.

Di bawah IKS, bantuan yang diberikan kepada para peniaga kecil dapat membantu mereka mempelbagaikan hasil keluaran serta merebut peluang-peluang yang ada.

Meskipun IKS tidak memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan negara, namun ia dapat menampung kehidupan yang lebih baik kepada pengusahanya.

Jelasnya, segala **insentif** dan kemudahan yang diberikan ini dapat memberikan keadilan kepada semua kaum dan ianya wajar dimanfaatkan dengan sebaik mungkin tanpa sebarang prejudis.

Hal ini penting supaya kita semua dapat menyumbang sesuatu kepada negara. Fikirkan apa sumbangan kita kepada negara dan bukannya sumbangan negara kepada kita.

BERDAYA SAING

Mewujudkan masyarakat yang makmur yang mempunyai ekonomi berdaya saing, dinamik, dan kental serta tidak mudah mengaku kalah walaupun menghadapi kegagalan.

Apa yang pasti, ekonomi yang berkembang serta berdaya saing dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang berfikiran luas untuk merangka segala perancangan demi memantapkan lagi pembangunan negara yang hasilnya dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang makmur.

Dalam dunia perniagaan tanpa sempadan, kita seharusnya tidak gentar berhadapan dengan negara dan bangsa lain untuk menonjolkan diri di pentas antarabangsa.

Rakyat kita sememangnya berkebolehan dan mampu mencipta kejayaan dengan berbekalkan semangat juang yang kuat dan tidak mudah mengaku kalah sebelum berjuang.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN


ISU-ISU BERKAITAN WAWASAN

PENGENALAN

Wawasan 2020 seperti mana yang diwarwarkan merupakan impian dan harapan pemimpin negara serta seluruh rakyat untuk melihat negara ini maju dalam segenap bidang, setanding dengan negara-negara maju yang lainnya.

Jika selama ini negara kita dilihat begitu kecil, namun dengan misi dan visi yang terkandung dalam Wawasan 2020 akan membuka mata dunia bahawa kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa. Kecil-kecil cili padi dan inilah yang hendak kita buktikan.

Dengan acuan tersendiri, diharapkan rakyat di negara ini dapat membentuk model pembangunan yang mantap dan memberi manfaat kepada semua rakyat tanpa sebarang **diskriminasi** yang boleh menggugat keharmonian negara. Malah lebih unik lagi sekiranya kita dapat melahirkan sebuah negara dalam bentuk acuan tersendiri didokong rakyat berbilang kaum, dan berbeza-beza agama.



Dalam usaha menjadi sebuah negara maju, Malaysia juga mula mengorak langkah untuk menguasai bidang sains angkasa.

Justeru, dalam merealisasikan Wawasan 2020 ia bukan hanya berteraskan kepada sembilan cabaran yang utama yang harus disahuti oleh kita tetapi turut ditunjangi perkara-perkara lain yang tidak kurang pentingnya.

NEGARA PERINDUSTRIAN

Sesuai dengan peredaran masa, Malaysia telah berubah dari sebuah negara pertanian kepada sebuah negara perindustrian yang menyaksikan penggunaan teknologi terkini.

Justeru, kewujudan kawasan perindustrian di negara ini jelas menunjukkan bahawa komitmen kerajaan dalam hal ini begitu telus dan bersungguh-sungguh.

Antara kawasan perindustrian yang terkenal ialah di Pulau Pinang, Seberang Perai, kawasan berteknologi tinggi (Hi-Tech) di Kulim, Kedah, dan beberapa tempat lagi di Malaysia.

Pertumbuhan yang menggalakkan ini mampu membawa Malaysia mencapai status sebuah negara perindustrian yang mampu membuka peluang pekerjaan yang banyak serta ruang kepada pelabur asing menanam modal di negara ini.

Kemajuan yang dicapai oleh industri berat negara seperti Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON), PERODUA dan sebagainya menunjukkan kepada kita bahawa negara ini berupaya mengeluarkan kereta berjenama tempatan yang tidak kurang hebatnya.

Meskipun Malaysia bergiat aktif dalam bidang perindustrian, namun ekonomi pertanian tidak sama sekali dilupakan. Kepakaran yang ada digunakan dengan sepenuhnya untuk memajukan bidang ini agar lebih moden dan tidak dipinggirkan.

Sebaliknya Malaysia akan memberikan tumpuan yang lebih kepada bidang perindustrian yang dilihat berupaya menyumbangkan perolehan yang berganda.



Hari ini banyak kilang telah didirikan dalam usaha menjadi sebuah negara perindustrian.

MENINGKATKAN TARAF HIDUP

Seiring dengan taraf sebuah negara maju, kita tidak dapat lari daripada masalah meningkatnya kos sara hidup, khususnya di kawasan-kawasan bandar.

Bagi mereka yang berpendapatan rendah, peningkatan kos hidup hanya membebankan mereka untuk menyara keluarga. Harga barangan yang meningkat sudah tentu memberikan kesan yang buruk kepada golongan ini.

Kedadaan ini jika berterusan dan tidak diatasi, pasti akan menjadikan kehidupan mereka semakin teruk dan hidup dalam kemiskinan.

Justeru, sekiranya ini terjadi, sudah pasti masalah ini akan memberikan impak buruk kepada matlamat Wawasan 2020.

KEMAJUAN ACUAN SENDIRI

Seperti mana yang heboh diperkatakan, negara maju yang ingin dibentuk oleh Malaysia adalah beracuan sendiri, biarpun kita banyak mengimport teknologi dari negara luar.

Membentuk negara mengikut acuan sendiri bukanlah bermakna kita menolak keseluruhan idea-idea dan teknologi daripada negara luar terutamanya negara-negara Barat. Namun yang dilakukan ialah kemasukan idea tersebut akan dinilai dan dikaji terlebih dahulu dan disesuaikan mengikut nilai budaya negara kita.

Ini penting supaya apa yang kita bawa masuk itu tidak bercanggah dengan budaya masyarakat negara ini yang memang terkenal dengan budaya Timur.

Jelasnya, teknologi yang tinggi bukan hanya tertumpu kepada teknologi luar negara yang dibawa masuk tetapi yang lebih utama ialah kita sendiri menghasilkan dan mencipta teknologi baru.

Teknologi ini seterusnya akan digunakan sepenuhnya di Malaysia dan dalam masa yang sama, akan dieksport ke luar negara. Bayangkan apa perasaan kita apabila orang luar mengagumi dan menggunakan teknologi dari negara kita? Apabila kita mampu mengeluarkan 'produk' sendiri, sudah pasti kita tidak perlu terlalu bergantung kepada produk orang lain.

EKONOMI MAPAN

Sesuatu yang jelas, sebagai sebuah negara yang ingin maju, kita bakal menyaksikan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan memberangsangkan.

Justeru, perdagangan, pelaburan, dan kualiti adalah amat penting untuk dititikberatkan kerana sekiranya pertumbuhan ekonomi rendah usaha ke arah menjadi sebuah negara maju akan terbantut.

Memang tidak dapat dinafikan perkara paling utama diukur bagi negara maju ialah keadaan ekonominya. Jika ekonomi tidak memberangsangkan, sesebuah negara itu pasti tidak mampu bergerak maju dan begitulah sebaliknya.

KEADILAN EKONOMI

Dalam pada itu, aspek penting yang wajar diberi perhatian ialah keadilan dan pengagihan dalam ekonomi. Ini penting agar tidak wujud jurang perbezaan yang ketara antara golongan yang hidup mewah dengan mereka yang dihimpit kemiskinan.


Jurang perbezaan sebegini pasti mewujudkan jurang keseimbangan yang tidak sihat kerana kekayaan dan keuntungan yang wujud telah dimonopoli oleh segolongan kumpulan sahaja. Manakala segolongan kumpulan lagi terus menerus dibelenggu masalah kemiskinan yang meruncing.

Jika dilihat, golongan kaya akan mendapat habuan yang lebih di sesetengah negara maju. Sedangkan satu golongan lagi hidup merempat dalam kemiskinan.

Paparan di media jelas menunjukkan di beberapa negara maju masih terdapat rakyatnya yang hanya tinggal di rumah yang diperbuat daripada kotak. Malahan ada yang tidur dengan hanya beralaskan surat khabar sahaja.

Keadaan sebegini jelas menunjukkan bahawa tiadanya keadilan dalam ekonomi di mana mereka yang kaya terus memperoleh keuntungan.

Dalam hal ini, Malaysia memandang serius isu ini jika mahu menjadi negara yang maju. Oleh itu kerajaan sentiasa memastikan keadaan di Malaysia terkawal, di mana pendapatan negara haruslah diagihkan dengan adil supaya semua rakyat berpeluang menikmatinya bersama-sama.



Kemajuan ekonomi yang ingin dicapai tidak akan menyebabkan pemusnahan alam sekitar berserta spesies haiwan yang tinggal di dalamnya.

Apa yang dimahukan ialah semua rakyat dapat menikmati keselesaan hidup yang sama rata ekoran kemajuan dan pembangunan yang dicapai.

Agihan pendapatan di sini tidak semestinya dalam bentuk wang ringgit tetapi penyediaan prasarana yang lengkap dan baik juga adalah salah satu tindakan untuk memastikan keadilan dalam ekonomi dan sosial.

Jelasnya, semua rakyat berhak mendapat nikmat daripada kemakmuran yang dikecapi. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah melancarkan pelbagai program pembasmian kemiskinan, memajukan kemudahan telekomunikasi, kediaman, dan prasarana yang lain demi membentuk kehidupan yang lebih sempurna.

Selain itu, apa yang diberi perhatian ialah keseimbangan sosial ekonomi antara kaum, bandar, dan luar bandar hendaklah dilaksanakan untuk menjamin kesejahteraan dan keadilan rakyat.

BANGSA MALAYSIA

Biarpun rakyat di negara ini terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan kepercayaan, namun dengan wujudnya satu negara yang berbangsa Malaysia, diharapkan semua kaum ini dapat mengetepikan sentimen keagamaan dan perkauman.

Sebaliknya setiap kaum dapat duduk secara harmoni dan saling menghormati antara satu sama lain.

Umumnya, bangsa Malaysia tidak merujuk kepada mana-mana kaum tetapi mencakupi seluruh rakyat yang menghuninya. Satu negara berbangsa Malaysia bermaksud sebuah negara yang berdaulat.

Manakala rakyat yang dikatakan berbangsa Malaysia tidak boleh dibezakan melalui kaum, keturunan, atau warna kulit. Pembentukan satu negara bangsa Malaysia adalah prasyarat kepada kemajuan yang menjadikan rakyat setia dan bersatu hati.



Bangsa Malaysia hidup harmoni dalam ikatan perpaduan yang kukuh.

Penggunaan satu bahasa iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara adalah sesuatu yang bijak dalam mewujudkan perpaduan antara kaum.

Apa yang dapat diperhatikan kini ialah kebanyakan rakyat di negara ini boleh berkomunikasi dan bertutur dengan baik dalam bahasa Melayu.

Tanpa nilai moral dan nilai-nilai yang positif tidak akan wujud kesejahteraan dan perpaduan yang berkekalan. Tanpa nilai-nilai murni juga, baik pemimpin mahupun pekerja akan menyalahgunakan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan sendiri.

SISTEM KEKELUARGAAN

Dalam mencapai Wawasan 2020, sistem kekeluargaan adalah antara faktor yang dititikberatkan. Ini disebabkan asas pembinaan negara berpunca daripada sesebuah keluarga.

Di samping itu, kekuatan dan kemajuan sesebuah negara juga terletak dan bermulanya daripada masyarakat. Jika masyarakat pincang, negara juga turut mengalami kepincangan.

Lantaran itu, generasi muda hendaklah dididik supaya cintakan keluarga dan masyarakat serta mengelakkan diri daripada melakukan sesuatu yang boleh meninggalkan kesan buruk kepada orang lain.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

CABARAN DAN MASALAH DIHADAPI

PENGENALAN

Cetusan Wawasan 2020 yang telah dilahirkan pada awal 1991 adalah visi negara dalam suatu harapan dan cita-cita yang meyakinkan ke arah mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Walau bagaimanapun, keyakinan terhadap wawasan suci negara kian tergugat apabila dilihat pada gejala-gejala sosial seperti masalah dadah dan AIDS yang pastinya mempengaruhi pertumbuhan masyarakat dan sekali gus menggagalkan usaha mencapai Wawasan 2020.

Justeru, kita sewajarnya memulakan langkah-langkah awal untuk menangani masalah dadah dan AIDS ini kerana ia diibaratkan racun berbisa dan duri dalam daging kepada negara.

Dengan terhapusnya gejala yang banyak meragut nyawa rakyat di negara ini sudah tentu matlamat kita untuk mengisi Wawasan 2020 tanpa AIDS dan dadah akan tercapai dengan jayanya.

Sehubungan itu, komitmen dan kerjasama daripada semua pihak dalam menangani permasalahan ini amat diperlukan supaya negara ini bebas daripada gejala yang merosakkan.

PENYALAHGUNAAN DADAH

Sebagaimana kita sedia maklum, penyalahgunaan dadah telah menjadi masalah sosial bagi masyarakat dunia. Perang Candu antara pihak Inggeris dengan China yang berlaku pada tahun 1856 jelas membuktikan masalah dadah menghantui penduduk dunia.

Di negara ini, masalah dadah sejak dahulu hingga kini masih tidak dapat dibendung dengan sepenuhnya meskipun pelbagai langkah telah diambil pihak-pihak berwajib. Lebih membimbangkan lagi masalah penyalahgunaan dadah menjadi semakin serius sehingga menjejaskan reputasi negara.

Generasi muda yang menjadi tulang belakang dan harapan negara telah menjadi sasaran utama musuh nombor satu negara ini. Justeru, masalah penyalahgunaan dadah harus dibendung secepat mungkin sebelum menular ke setiap pelosok tanah air serta meracuni masyarakat dunia.

Dalam menangani masalah dadah yang kian meruncing, pelbagai pihak harus memainkan peranan masing-masing bagi memastikan negara ini bebas daripada ancaman dadah.

PERTUBUHAN BELIA

Kerajaan seharusnya memperbanyakkan lagi pertubuhan belia agar dapat memberi peluang kepada para belia menyertainya.

Menerusi cara ini, sudah tentu para belia di negara ini tidak akan membuang masa dengan melepak dan melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah.



Golongan belia menjadi aset penting kerana mereka adalah tonggak kepimpinan negara pada masa akan datang

Sebaliknya mereka melakukan pelbagai aktiviti yang bermanfaat yang disediakan oleh pertubuhan belia.

Selain itu, pertubuhan belia juga disarankan agar menganjurkan pelbagai aktiviti yang menarik dan mencabar yang dapat mengukuhkan ketahanan fizikal dan mental golongan belia yang sememangnya sukakan cabaran dan aktiviti lasak.

Aktiviti yang boleh dilakukan termasuklah mendaki, berkhemah, pertandingan nyanyian dan tarian, melukis, membuat kerja-kerja kraf tangan, dan lain-lain lagi yang sesuai dengan jiwa remaja.

Sesuatu yang pasti, dengan adanya aktiviti-aktiviti menarik yang dianjurkan ini, sudah tentu para belia kita akan tertarik hati untuk menyertai pertubuhan belia di tempat masing-masing tanpa ragu-ragu. Ini seterusnya dapat mengurangkan masalah sosial yang tidak diingini, terutamanya masalah penyalahgunaan dadah.

Jelasnya, melalui pembabitian mereka dalam pertubuhan belia ini, sudah tentu mereka tidak mempunyai waktu untuk berpeleseran yang akhirnya boleh mengheret mereka kepada aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

LANGKAH PENGUATKUASAAN

Pihak polis juga disarankan supaya memperbanyakkan lagi operasi secara besar-besaran di sekitar kawasan yang dikenal pasti menjadi sarang penagih dadah, terutamanya di ibu kota yang dipercayai banyak terdapatnya 'mayat-mayat hidup' yang tidak menyumbang apa-apa kepada negara.

Operasi seumpama ini telah menunjukkan hasil yang baik dari segi mengurangkan jumlah penagih.

Sesungguhnya tindakan pihak polis melancarkan operasi secara besar-besaran merupakan salah satu tindakan bijak dan berkesan dalam usaha menangani masalah dadah.

Justeru, operasi sebegini hendaklah sentiasa diadakan dari semasa ke semasa dan tidak bermusim di mana-mana sahaja agar masalah ini dapat dikurangkan dan akhirnya dapat dilenyapkan menjelang tahun 2020 kelak.

PUSAT PEMULIHAN

Matlamat mengisi Wawasan 2020 tanpa dadah mungkin akan tercapai seandainya pihak berkuasa dapat memperkemaskan lagi aktiviti-aktiviti di pusat pemulihan.

Ini sepatutnya dilakukan kerana perangkaan menunjukkan ramai penagih dadah yang telah keluar dari pusat pemulihan menagih semula akibat pelbagai faktor.

Keadaan ini seolah-olah menggambarkan bahawa segala yang dipraktikkan dan diajar di pusat pemulihan gagal meninggalkan kesan mendalam ke atas diri bekas penagih.

Lantaran itu, segala aktiviti yang disediakan haruslah diperkemaskan lagi supaya bekas-bekas penagih ini tidak kembali mengulangi perbuatan lama mereka. Jelasnya, aktiviti yang disediakan hendaklah dapat memberikan pengajaran.

Keinsafan mendalam yang tertanam dalam jiwa mereka sudah tentu akan menjadi benteng ampuh untuk melawan hawa nafsu kembali menagih.

Antara yang boleh dilakukan termasuklah:

- Mengadakan lebih banyak lagi ceramah motivasi dengan menjemput bekas penagih yang telah berjaya membina kehidupan baru setelah keluar dari pusat pemulihan.
- Memperbanyakkan lagi kelas agama.
- Mengadakan bimbingan kaunseling lebih kerap.
- Melatih mereka lebih berdikari.

SOKONGAN MASYARAKAT


Selain pihak kerajaan, sokongan keluarga dan masyarakat juga cukup penting dalam usaha kita menangani masalah dadah di negara ini, khususnya dalam misi mencapai hasrat yang terkandung dalam Wawasan 2020.

Bagi keluarga yang mempunyai ahli keluarga yang terjebak ke kancuh dadah, hendaklah menerimanya dengan baik setelah mereka keluar dari pusat pemulihan. Berilah mereka peluang kedua memperbaiki kesilapan yang dilakukan.

Begitu juga dengan seluruh anggota masyarakat yang sewajarnya memberikan sokongan yang padu kepada bekas-bekas penagih dan bukannya melontarkan kata-kata penghinaan, cacian, dan sebagainya. Tindakan sebegini hanya menanamkan bibit dendam di kalangan penagih untuk terjebak semula.



Masalah penagihan dadah memerlukan kerjasama semua pihak bagi membanterasnya.



Pembabituan belia dalam kegiatan yang sibat mengelakkan mereka terjebak dengan dadah.

Memaafkan kesalahan orang lain adalah perbuatan yang baik untuk sama-sama membina sebuah kehidupan yang lebih baik untuk masa hadapan.

Keseluruhannya, masalah dadah tidak akan menemui jalan penyelesaian sungguhpun pelbagai pihak bertungkus-lumus mengadakan pelbagai langkah seandainya sikap penagih itu sendiri yang tidak mahu mengubah tabiat lamanya.

Oleh itu setiap bekas penagih yang keluar dari pusat pemulihan hendaklah bersikap tabah, cekal, dan berhati waja melawan setiap godaan yang datang. Mereka harus mempraktikkan apa yang dipelajari sepanjang berada di pusat pemulihan agar menjadi insan yang berguna kepada bangsa, agama, dan negara.

Sesat di hujung jalan dan kembali ke pangkal jalan adalah langkah terbaik untuk menginsafi setiap perbuatan negatif yang pernah dilakukan.

GEJALA AIDS

Bukan sahaja masalah dadah menjadi ancaman sosial yang serius yang boleh menggugat kelancaran Wawasan 2020, masalah AIDS atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit juga hebat diperkatakan sebagai pembunuh manusia yang ditakuti di seluruh dunia.

Masalah jangkitan AIDS merupakan cabaran besar kepada perubatan, manusia, dan nilai tamadun manusia. Ini memandangkan sehingga kini masih belum ditemui penawar kepada penyakit sedangkan banyak nyawa yang telah terkorban.

AIDS mula dikesan di Malaysia pada 12 Disember 1986 yang membabitkan seorang lelaki Cina warganegara Amerika. Lelaki tersebut disahkan pengamal heteroseksual.

Golongan lain yang turut terdedah pada jangkitan AIDS antaranya ialah:

- Pelacur
- Penagih dadah
- Homoseksual
- Mereka yang suka melakukan perbuatan seks secara rambang atau tidak selamat.

Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan bahawa terdapat 437 orang yang disahkan pembawa virus HIV dan 42 daripada 67 orang yang dijangkiti telah pun menemui ajal.

Justeru, sekiranya masalah AIDS sudah menjadi darah daging di negara ini, bagaimana pula kita ingin mencapai Wawasan 2020 yang memerlukan generasi yang kuat dan berketrampilan?

Adakah sanggup kita melihat wawasan murni ini terkubur begitu sahaja hanya kerana virus yang berbahaya itu? Justeru, kita seharusnya melaksanakan pelbagai langkah untuk menangani masalah AIDS ini agar dapat mengisi Wawasan 2020 tanpa AIDS.

KEMPEN MENGHINDAR AIDS

Dalam menangani masalah AIDS yang semakin merebak ini, kerajaan seharusnya mengadakan lebih banyak kempen kepada anggota masyarakat tentang AIDS.

Kempen-kempen yang diadakan hendaklah secara besar-besaran dan menyeluruh agar ia benar-benar dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahayanya AIDS.

Pendedahan meluas ini disarankan agar dapat dilakukan secara berterusan di media-media massa, tidak kira sama ada menerusi media cetak mahupun media elektronik. Usaha yang dilakukan adalah seperti mengeluarkan berjuta-juta risalah, buku panduan, dan poster yang dicetak untuk sebaran umum.

Langkah seumpama ini adalah bijak dan perlu berterusan agar ianya benar-benar berkesan dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya AIDS dan cuba mengambil langkah untuk menjauhinya.

Justeru, kesedaran yang terpupuk di hati masyarakat sudah tentu dapat mengurangkan masalah AIDS, sekali gus melenyapkan masalah itu menjelang tahun 2020 bagi menjamin pengisian wawasan menjadi kenyataan.

AMALKAN CARA HIDUP SIHAT

Setiap di antara kita sewajarnya mengamalkan cara hidup sihat dalam kehidupan seharian dengan menjauhkan diri daripada kegiatan yang tidak berfaedah.

Melibatkan diri dengan penagihan dadah dan berkunjung ke rumah-rumah pelacuran pasti mendekatkan diri seseorang itu dengan gejala AIDS.



Ikatan perkabwinan yang sab menjadi jalan selamat menghindari wabak AIDS.

Menurut laporan, terdapat 50 peratus hingga 60 peratus pelanggan tetap pelacur di negara ini disahkan menghidap penyakit AIDS. Ini jelas membuktikan bahawa kegiatan pelacuran merupakan salah satu punca yang boleh merebaknya penyakit AIDS.

Lantaran itu, pihak berkuasa seharusnya mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan agar kegiatan pelacuran dihapuskan. Mereka hendaklah sentiasa membuat serbuan secara besar-besaran ke tempat-tempat yang dikenal pasti sarang pelacuran.

Dengan serbuan sebegini, sudah tentu ramai pelacur dapat ditangkap dan ini mengurangkan masalah AIDS.

Jelasnya baik masalah dadah mahupun AIDS, tindakan dan langkah-langkah segera yang diambil sudah tentu dapat mengurangkan masalah ini, seterusnya mungkin dapat melenyapkannya sama sekali menjelang tahun 2020.

Apa yang pasti, langkah-langkah yang diambil tidak seharusnya dipikul oleh satu pihak sahaja, tetapi ia hendaklah melibatkan semua pihak agar masalah ini dapat ditangani segera.

Bak kata pepatah 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing', kita pasti dapat melakukan sesuatu dengan jayanya sekiranya semua pihak bekerjasama dan bersatu.

Menjelang 2020 kita mahu melahirkan masyarakat yang berwawasan, berpandangan jauh, berilmu tinggi, dan bukannya generasi yang lemah dan tidak bersemangat yang bukan sahaja tidak menyumbang tenaga ke arah kemajuan tetapi membebankan negara.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

MEREALITIKAN WAWASAN

Pengenalan

Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad sungguh jelas dan wajar disambut baik oleh seluruh masyarakat di negara ini untuk sama-sama menggembleng tenaga ke arah mencapai setiap matlamat yang telah ditetapkan.

Melalui sembilan cabaran dalam Wawasan 2020, ia menuntut komitmen yang padu dari seluruh anggota masyarakat yang cintakan kemajuan dan pembangunan demi kesejahteraan bersama.

Cabaran yang diwujudkan bukan semata-mata cabaran kosong tetapi ia harus ditempuh dengan penuh iltizam dan tekad bagi memastikan segala yang dirangka berjalan lancar.

Apa yang pasti, tiada jalan mudah untuk mencapai sesuatu melainkan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapainya. Inilah mesej jelas yang selalu disarankan oleh pemimpin negara.

Kegembiraan dan kepuasan jelas tergambar apabila cabaran yang datang dapat ditempuh dengan jayanya. Jelasnya, kejayaan itu bukan milik perseorangan tetapi milik bersama seluruh rakyat Malaysia.

Umumnya, kejayaan sesuatu perkara biarpun sesukar mana sekalipun adalah bergantung kepada usaha yang gigih. Justeru, kegigihan untuk mencapai sesuatu matlamat adalah kunci utama menuju kejayaan.

Pepatah 'usaha tangga kejayaan' harus disemat ke dalam hati setiap kita agar sentiasa beringat bahawa kejayaan tidak datang bergolek melainkan dengan berusaha.

Bagi memastikan semuanya berjalan lancar, setiap lapisan masyarakat sama ada pemimpin mahupun rakyat harus bersatu hati dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020. Banyak tindakan yang harus dilakukan secara bersama-sama atau kolektif di kalangan rakyat berbilang kaum.



Wawasan 2020 hanya akan tercapai jika rakyat berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk merealisasikannya.

Dalam masa yang sama, sikap mementingkan diri sendiri hendaklah dikikis dalam apa jua tindakan yang dibuat. Sebaliknya, sikap yang harus ditanam dalam diri setiap rakyat adalah bertolak ansur dan mengutamakan kepentingan bersama.

Apabila terdapatnya sikap bertolak ansur dan saling menghormati antara satu sama lain serta mempunyai sikap memajukan diri ada pada semua rakyat di negara ini, sudah tentu Wawasan 2020 akan mencapai sasarannya.

Dalam hal ini, kerajaan juga sentiasa mengambil pelbagai langkah drastik yang diharap mampu menjana kemajuan negara dengan lebih pesat.

Antaranya dengan mewajibkan pelaksanaan pembelajaran dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah terutamanya bagi subjek berkaitan Sains dan Matematik.

Pelaksanaan langkah sebegini akan mendorong rakyat untuk menguasai bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa jika mahu mengecap kejayaan. Langkah ini juga tidak bertujuan membelakangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Kerajaan juga menggalakkan setiap rumah memiliki sekurang-kurangnya sebuah komputer untuk kegunaan ahli keluarga. Hal ini penting kerana penguasaan ilmu berkaitan teknologi maklumat akan mempercepatkan proses kemajuan negara.

Malah lebih penting lagi, ia mampu melahirkan masyarakat celik komputer sebagai persediaan awal menghadapi kehidupan era baru pada masa akan datang.

Selain itu, kerajaan juga mengambil langkah untuk menghantar para angkasawan negara ini ke angkasa untuk tujuan melakukan penyelidikan.

Langkah ini dapat menjadi landasan awal untuk membina keyakinan kepada rakyat negara ini untuk sama-sama bersaing dengan negara maju menguasai ilmu berkaitan sains angkasa.

Keseluruhannya, Wawasan 2020 mampu meletakkan negara ini maju ke hadapan dalam pelbagai bidang dengan mengaplikasikan segala teknologi yang ada.

Negara juga berupaya mengeluarkan 'produknya' sendiri yang bukan sahaja untuk kegunaan tempatan tetapi dieksport ke negara luar.

Pencapaian negara pada waktu ini jelas membuktikan bahawa kita mampu melangkah lebih jauh lagi dalam semua bidang sama ada ekonomi, politik, sosial, dan sebagainya dalam dunia global yang menyaksikan setiap negara di dunia berlumba-lumba antara satu sama lain mengangkat martabat negara ke pentas dunia.

Dalam hal ini, setiap negara berpeluang dan berpotensi untuk menonjolkan diri asalkan mempunyai matlamat yang jelas dan berani berhadapan dengan segala risiko. Kecil atau besar sesebuah negara bukan soalnya.

Malaysia biarpun bersaiz kecil namun ketokohnya di peringkat antabangsa memang diakui dan tidak dapat dinafikan. Justeru, banyak negara yang menghormatinya. Ekoran kejayaan yang dicapai maka sudah tentu Wawasan 2020 dapat dicapai sebagaimana yang dicita-citakan.



GLOSARI

- etika** : nilai-nilai atau aturan yang dipatuhi atau dipraktikkan dalam kehidupan, di mana etika yang baik akan membawa kehidupan yang lebih bermakna.
- demokratik** : sebuah negara di mana rakyat yang menentukan kerajaan yang dipilih.
- progresif** : bersifat dinamik, maju, kukuh, dan mempunyai daya ketahanan tinggi.
- optimis** : memiliki keyakinan yang amat tinggi dalam melakukan sesuatu perkara.
- model** : contoh atau teladan yang diikuti agar kita menempa kejayaan yang serupa.
- motivasi** : daya rangsangan atau faktor penggalak.
- tragedi** : sesuatu yang dikaitkan dengan kejadian buruk, sedih, dan menakutkan.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

GLOSARI

- merusuh** : perbuatan tidak bertanggungjawab dengan melakukan pelbagai kegunaan bagi melepaskan rasa marah.
- inovatif** : proses yang kreatif lagi pelbagai.
- ideologi** : fahaman atau kepercayaan yang dianuti oleh manusia.
- prihatin** : bersikap sensitif atau peka terhadap hal-hal persekitaran.
- subsidi** : bantuan yang diberikan secara percuma oleh kerajaan kepada golongan rakyat yang memerlukan bantuan.
- insentif** : ganjaran atau imbuhan.
- diskriminasi** : sikap pilih kasih..



SOALAN

1. Siapakah pemimpin negara yang mencetuskan idea Wawasan 2020?
2. Bagaimanakah konsep negara maju yang sedang diusahakan oleh Malaysia?
3. Apakah sembilan cabaran penting dalam pelaksanaan Wawasan 2020?
4. Apakah matlamat utama pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)?
5. Apakah pentingnya sikap penyayang menjadi budaya dalam masyarakat kita?
6. Bagaimanakah negara industri mampu meningkatkan kualiti kehidupan?
7. Mengapakah ancaman dadah perlu dibanteras?
8. Bagaimanakah gaya hidup sihat mampu menghindar AIDS?

